



Pesona kristal Lalique

► Oleh Saadiah Ismail
saadiah@bharian.com.my

KRISTAL diklasifikasikan sebagai antara hiasan mewah dan eksklusif, menjadi idaman sesetengah wanita yang gemarkan sesuatu berkilauan dan tampak berlainan. Ia mempunyai kelas tersendiri terutama dalam penataan ruang hiasan di dalam rumah dan sebagainya. Sekali pandang, anda akan tertawan dengan reka bentuknya. Bagi peminat barangan hiasan mewah ini, pasti mengenali kristal Lalique iaitu jenama mewah antarabangsa dari Perancis. Ia begitu dikagumi oleh pencinta seni kerana kaedah ketukangan yang sangat halus, malah karya yang terkumpul lebih daripada 100 tahun membuatnya sangat unik.

Jenama ini diasaskan oleh Rene Lalique pada 1860 hingga 1945 iaitu seorang yang bijak dan pereka seni untuk barang kemas, botol minyak wangi, hiasan kaca, maskot automobil dan hiasan dalaman. Kemudian, lagendanya diteruskan oleh Marc Lalique pada 1900 hingga 1978 dan seterusnya Marie-Claude Lalique pada 1935 hingga 2003.

Justeru, bagi meneruskan hubungan antara Lalique dan pencinta barangan kristal ini, buat julung

kalinya, butik Lalique dibuka di Bangsar, Kuala Lumpur oleh pedagang tunggal yang diberi mandat iaitu SUEN Jewellers Sdn Bhd. Di sini, pelbagai barangan kristal seperti alat perhiasan diri, arca patung kuda, pinggan mangkuk dan peralatan lain boleh didapati dengan harga yang sangat berpatutan.

Pengasas merangkap Pengarah Urusan SUEN Jewellers Sdn Bhd, Lee Sze Suen, berkata sempena pembukaan butik terbaru ini, pihaknya turut memperkenalkan minyak wangi Jaguar dengan menggunakan botol kristal Lalique. Ia hasil usaha sama Lalique dengan pembuat kereta Jaguar mewah untuk membangunkan koleksi edisi terhad untuk pasaran di seluruh dunia.

Katanya, botol minyak wangi kristal edisi terhad ini pertama kali dilancarkan dan istimewanya, ia hanya dihasilkan sebanyak 75 botol saja untuk pasaran di seluruh dunia. Wangian lelaki ini menggabungkan pati kelas tinggi dengan bahan wangian moden sempurna mencerminkan imej jenama.

"Penghormatan yang diberi oleh Lalique serta Jaguar ini sangat dihargai dan kami akan terus mendukung ciri terbaik yang ada pada produk ini, termasuk perkhidmatan

untuk memastikan Lalique adalah jenama kristal yang paling popular di negara ini," katanya pada perasmian butik berkenaan, baru-baru ini.

Sze Suen berkata, selain menjual kristal Lalique, SUEN Jewellers turut menjual rangkaian produk daripada jenama The Love Diamond dan Daum.

Pada perasmian itu juga, butik Lalique turut mempamerkan meja kristal kaktus yang begitu eksklusif, minyak wangi, barang perhiasan, kristal untuk rumah dan seni bina, kesenian dan Maison Lalique. Di samping itu, Jaguar turut mempamerkan kereta Jaquar XF.

Sementara itu, Pengarah Serantau Asia Tenggara dan Oceania Lalique, Daniel Ong, menghargai sokongan pengumpul dan peminat Lalique kerana tidak putus-putus memberi sokongan yang setia sejak beberapa tahun lalu, termasuk rakan kongsi globalnya Jaguar kerana bekerjasama dalam merealisasikan hasrat berkenaan.

Peminat dan pencinta seni barangan kristal mahupun wangian Jaguar, jangan lepaskan peluang dan berkunjunglah ke butik Lalique di Jalan Maarof, Taman Bangsar atau layari www.lalique.fr.

